

08/09/1998

Mustapa dilantik Menteri Kewangan II (HL)

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melantik Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri Kewangan II, berkuatkuasa serta merta.

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri hari ini menyatakan, jawatan Menteri Kewangan pertama akan dipegang oleh Dr Mahathir. Perdana Menteri juga adalah Menteri Dalam Negeri.

Mustapa, 48, bagaimanapun akan terus memegang jawatan Menteri Pembangunan Usahawan, di samping memikul tanggungjawab barunya itu. Pelantikan menteri pertama dan kedua bagi satu portfolio itu adalah sesuatu yang baru di negara ini.

Jawatan Menteri Kewangan kosong ekoran pelucutan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang turut memegang portfolio itu, daripada Kabinet, Rabu lalu, selepas spekulasi hangat mengenai peletakan jawatannya.

Anwar dikaitkan dengan pelbagai salah laku termasuk perbuatan sumbang dan membocorkan rahsia negara, tetapi semuanya beliau nafikan. Khamis lalu, Perdana Menteri mengumumkan beliau sendiri akan memangku jawatan Menteri Kewangan sementara menteri baru dilantik.

Mengulas pelantikannya dalam sidang sidang akhbar petang ini, Mustapa mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir yang memberi kepercayaan kepadanya untuk memikul tanggungjawab itu.

"Saya terkejut dengan pelantikan ini. Ia adalah satu penghormatan dan amanah. Insyallah saya akan melaksanakan tanggungjawab membantu Perdana Menteri dalam menjalankan tugas di Kementerian Kewangan," katanya.

Mustapa diberi taklimat oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Dr Aris Othman petang ini mengenai bidang tugas kementerian itu.

Pelantikan Mustapa boleh dianggap seperti sirih pulang ke gagang berikutan beliau memulakan kerjayanya di Perbendaharaan sebagai Penolong Setiausaha pada 1974.

Selepas enam tahun bertugas di Perbendaharaan, beliau menyertai Institut Tadbiran Awam Negara sebagai pensyarah, sebelum dilantik pada 1984 oleh Menteri Kewangan ketika itu, Tun Daim Zainuddin, sebagai pembantu khasnya.

Kerjaya politik Mustapa bermula apabila beliau dilantik menjadi Setiausaha Politik Daim pada tahun yang sama.

Pada Mac 1991, beliau dilantik sebagai senator dan menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, sebelum dinaikkan pangkat ke Timbalan Menteri Kewangan pada Januari 1994.

Menurut Mustapa, banyak perkara yang perlu dilaksanakan terutama berkaitan dasar kewangan dan ekonomi menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang digariskan oleh Perdana Menteri.

"Tanggungjawab saya ialah melihat dasar itu dapat dilaksanakan dengan berkesan. Mungkin dari segi kerja, lebih sikit," katanya yang akan menjelaskan tugas barunya itu kepada kakitangannya, esok.

Beliau akan memperuntukkan beberapa minggu untuk menyediakan Belanjawan 1999 dan kerana itu, perlu mengadakan perbincangan lebih terperinci dengan pegawai Perbendaharaan.

"Sebenarnya, sejak meninggalkan Kementerian Kewangan kira-kira tiga tahun lalu, begitu banyak perkara baru berlaku dan keadaan (ekonomi dan kewangan) sekarang lebih sulit.

"Banyak perkara yang saya tidak tahu dan perlu pelajari terutama membabitkan bentuk ekonomi dan kewangan yang mengalami perubahan.

"Ini termasuk pasaran mata wang, kegiatan spekulasi dan globalisasi yang begitu banyak mempengaruhi sistem kewangan dan ekonomi dunia," katanya.

Mustapa ialah lepasan jurusan ekonomi dengan ijazah kepujian kelas pertama dari Universiti Melbourne dan ijazah sarjana dalam jurusan ekonomi pembangunan dari Universiti Boston.

Dilahirkan pada 1950 di Bachok, Kelantan, beliau menerima pendidikan menengahnya di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu.

Beliau memenangi kerusi Parlimen Jeli pada pilihan raya umum April 1995 dan berikutnya, dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan. Beliau memperoleh undi ketiga terbanyak untuk kerusi ahli Majlis Tertinggi Umno dalam pemilihan parti itu pada 1996.

Mustapa kini turut menganggotai MTEN, yang ditugaskan untuk merangka strategi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkahwin dengan Datin Khamarzan Ahmad Meah dan dikurniakan empat anak - dua perempuan dan dua lelaki.

(END)